



INTERNET, LAMAN WEB PORNOGRAFI DAN KAEADAH PSIKOSPIRITUAL ISLAM DALAM MENANGANI KERUNTUHAN AKHLAK REMAJA PELAYAR LAMAN WEB PORNOGRAFI

Oleh:

Nor Azah Abdul Aziz*
azah@ftmk.upsi.edu.my

ABSTRACT

This article discussed benefits of internet technology in providing massive information and communication throughout the entire world. Instead, the negative issues related to pornography site surfing which can ruin teenagers morality and suggestion from Islamic psychospiritual perspective are also discussed to suggest treatment in dealing with teenagers' soul.

Keywords: Internet, web, pornography, akhlāq, Islamic psychospiritual

PENDAHULUAN

Internet adalah merupakan rangkaian komputer yang terbesar di dunia yang membenarkan maklumat secara global dapat dicapai. Bolt, Beranek, dan Newman, Inc., (BBN) telah merekabentuk satu rangkaian yang dikenali sebagai *Advanced Research Projects Agency Network (ARPANET)* pada tahun 1969 untuk kegunaan Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat dan hanya menghubungkan empat nod atau hos sahaja iaitu Universiti California di Los Angeles, SRI International, Universiti California di Santa Barbara dan Universiti Utah. Tiga tahun kemudian ARPANET terus berkembang dan dapat menghubungkan lebih daripada 20 komputer. Ini

* Nor Azah Abdul Aziz, PhD, adalah pensyarah di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains Komputer (Multimedia).



adalah merupakan sejarah permulaan rangkaian komputer di dunia dan seterusnya ARPANET dikenali sebagai Internet.¹

Kejayaan ARPA mencipta rangkaian, bermula lebih awal. Rekod pertama tentang gambaran interaksi sosial menerusi rangkaian adalah merupakan satu siri memo yang ditulis oleh J.C.R. Licklider dari MIT pada bulan Ogos 1962 yang membincangkan mengenai konsep “*Galactic Network*”. Beliau telah membayangkan satu kesinambungan rangkaian komputer secara global di mana sesiapa sahaja boleh mencapai data dan program dari mana-mana komputer. Secara umumnya konsep yang digambarkan oleh beliau menyerupai Internet yang terdapat sekarang ini. Licklider adalah merupakan peneraju pertama kumpulan penyelidik di ARPA bermula pada bulan Oktober 1962. Licklider juga telah berjaya meyakinkan penggantinya iaitu Ivan Sutherland, Bob Taylor, dan penyelidik MIT, Lawrence G. Roberts tentang pentingnya konsep rangkaian.²

Rangkaian atau jaringan komputer yang tercipta inilah yang membolehkan berlakunya interaksi dan perkongsian maklumat di antara penggunaanya. Setiap arahan yang disampaikan melalui internet boleh difahami oleh protokol yang dikenali sebagai TCP/IP (*Transmission Control Protocol/Internet Protocol*). TCP/IP adalah protokol yang dibangunkan pada awal 1970an oleh Vincent Cerf dan Robert Kahn. TCP mengandungi peraturan-peraturan bagaimana komputer-komputer yang terdapat di dalam rangkaian boleh menyambung dan memutuskan sistem rangkaian mereka. IP pula mengandungi arahan-arahan atau peraturan bagaimana data atau mesej perlu dihantar dari satu komputer ke satu komputer yang lain.³ Struktur Internet pula terdiri daripada talian telefon, kabel, gentian optik, dan alat komunikasi lain yang saling bersambung di antara satu sama lain merentasi kawasan terpencil, negara, malahan benua.⁴

INTERNET DI MALAYSIA

Internet bermula di Malaysia pada tahun 1990 apabila Malaysian Institute of Microelectronic Systems (MIMOS Berhad) melancarkan Joint Advanced Integrated Networking (JARING) sebagai pembekal capaian ke internet atau Internet Service Provider (ISP) yang pertama. Dr. Mohamed

¹ Greenlaw, Raymond dan Hepp, Ellen (2002), *In-line/On-line: Fundamentals of the Internet and the World Wide Web*. United States: McGraw Hill, h. 102.

² Leiner, Barry M. et al. (1997), “The Past and Future History of the Internet”. *Communications of the ACM*: Vol. 40, No. 2: h. 1-2.

³ Schneider, Gary P. & Evans, Jessica (2002), *The Internet 3rd Edition*. United States -Course Technology Thomson Learning.

⁴ Mohd Juzaiddin Abd. Aziz et al. (2003), *Pengaturcaraan Visual dan Web*, COMP 2035. Kuala Lumpur: Open University Malaysia, h. 198.



Awang-Lah, merupakan orang yang bertanggung jawab memulakan dan mengimplementasikan serta membangunkan JARING, adalah merupakan naib presiden MIMOS Berhad ketika itu. Menurut Dr. Mohamed Awang-Lah, Internet di Malaysia bermula di Fakulti Kejuruteraan Elektrikal/Elektronik Universiti Malaya, di mana beliau sendiri mengajar dan melakukan eksperimen dengan sistem BSD Unix. Apabila beliau menyertai MIMOS yang juga merupakan satu entiti badan kerajaan, beliau telah membina satu rangkaian kecil komputer yang dikenali sebagai RangKom di bawah Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). RangKom mempunyai 4 dialup lines ke Australia, Amerika Syarikat, Netherlands dan Korea. Projek JARING ini telah dilancarkan sebagai lanjutan daripada RangKom yang mempromosikan pertukaran maklumat dan pembangunan pangkalan data melalui capaian ke internet.⁵

Melalui pemasangan satelit yang menghubungkan Malaysia dan Amerika Syarikat pada tahun 1992, JARING telah dihubungkan ke Internet seterusnya membekalkan capaian internet kepada lebih 140 buah negara untuk para pengguna di Malaysia. Pada tahun 1996 ISP yang kedua telah dilancarkan di Malaysia iaitu TMNet. TMNet telah dilancarkan oleh Telekom Malaysia pada bulan Julai, 1996 tetapi memulakan operasinya pada bulan November, 1996 sebagai pelengkap kepada JARING. Pada bulan Disember 1997, TMNet mendahului dengan 2% dari jumlah keseluruhan pelanggan internet di Malaysia iaitu sebanyak 51% berbanding dengan JARING yang mewakili 49%.⁶ TMNet dan JARING masih lagi dua gergasi ISP yang popular di Malaysia meskipun terdapat lebih kurang 70 pembekal lain yang turut menawarkan capaian ke Internet seperti TimeNet, Maxis, Celcom dan lain-lain.⁷

LAMAN WEB

Apabila pengguna melayari internet, tindakan yang selalu dilakukan adalah dengan klik pada tetikus untuk melayari mana-mana topik atau laman web yang menjadi pilihan. Seringkali pengguna menggunakan perkataan laman web dan internet silih berganti, namun sebenarnya internet dan world wide web adalah merupakan dua perkara yang berbeza. WWW telah diasaskan

⁵ Rahmah Hashim *et al.* (1999), (Jabatan Komunikasi Fakulti Kemanusiaan & Sains Sosial Universiti Kebangsaan Malaysia), Internet in Malaysia, <http://www.interasia.org/malaysia/hashim-yusof.html>, 18 Mei 2005, Diterbitkan dalam: Informatik Forum 1/99.

⁶ *Ibid.*

⁷ *Utusan Online*, Jenayah siber simptom penyakit masyarakat yang perlu diubati - ``Ini bukan masalah Internet'' <http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp>, 05 Disember 2004.



pada tahun 1989 oleh Timothy Berners-Lee dan beberapa penyelidik dari Pusat Penyelidikan Nuklear Eropah (CERN) di Switzerland dan WWW menyediakan paparan bermultimedia untuk segala jenis maklumat yang terdapat di Internet yang memudahkan para penyelidik untuk berkongsi dan mencapai data tanpa memerlukan kursus secara intensif.⁸

Laman web adalah merupakan platform bermultimedia. Multimedia adalah merupakan gabungan teks, grafik, audio, animasi dan video yang disampaikan kepada pengguna secara elektronik.⁹ Gabungan elemen-elemen multimedia inilah yang menjadikan laman web lebih menarik untuk dilayari dan pengguna boleh memuat turun (*download*) segala maklumat yang terdiri daripada fail-fail teks, grafik, audio mahupun video yang dikehendaki. Terdapat jutaan jenis laman web yang boleh dilayari di alam siber yang boleh dikategorikan kepada dua iaitu yang mengarah kepada perkara positif atau negatif. Penulisan ini adalah menumpukan kepada laman web berunsur negatif iaitu laman web pornografi.

LAMAN WEB PORNOGRAFI

Elemen-elemen multimedia yang dipersembahkan di laman-laman web pornografi bukan sahaja boleh dilihat atau ditonton tetapi ianya juga boleh dimuat turun dengan mudah dan disebarluaskan dengan pantas melalui e-mel. E-mel adalah merupakan peti surat elektronik yang boleh dilampirkan bersamanya fail-fail teks, grafik, audio, animasi dan video. E-mel adalah merupakan satu revolusi dalam kaedah manusia berkomunikasi apabila tiada komunikasi secara berdepan antara satu sama lain.¹⁰

Selain dari platform bermultimedia, WWW juga mempunyai ciri-ciri istimewa yang lain seperti hiperteks (*hypertext*). Hiperteks merupakan satu sistem di mana dokumen-dokumen yang bertaburan dalam laman-laman web dipautkan secara terus menggunakan pautan aktif supaya satu perkataan atau ungkapan dalam satu dokumen menjadi sambungan kepada sesuatu dokumen lain di laman web yang lain. Format atau bahasa yang digunakan ialah HyperText Markup Language (HTML).¹¹

⁸ Schneider, Gary P. *et al.* (2002), *New Perspectives on the Internet*. Amerika Syarikat: Thomson Course Technology, h. html5.

⁹ Yazrina Yahya *et al.* (1999), “Assessing Multimedia Quality From The User’s Perspective”, *Malaysian Journal of Computer Science*, Vol. 12, No. 1, June 1999, h. 2.

¹⁰ Hofstetter, Fred T. (2001), *International Edition Internet Literacy*, Kuala Lumpur: MC Graw-Hill Irwin, h. 79.

¹¹ Zainab Abu Bakar *et al.* (2004), *ICT Kini*. Malaysia: McGraw-Hill, h. 23.



Pornografi pula adalah perkataan yang boleh mewakili idea seksual secara terbuka atau terang-terangan melalui lukisan atau tulisan. Laman-laman web pornografi ini mempersembahkan segala perilaku seks sama ada secara normal atau tidak normal mengikut citarasa yang pernah diketahui manusia. Kebanyakan laman web sebegini boleh dilayari dengan percuma.¹² Pornografi juga boleh didefinisikan sebagai penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan (perbuatan, kejadian, dll) dengan cara yang menghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks (menerusi filem, bahan bacaan dan lain-lain), penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan dan sebagainya secara lucah. Pornografi juga seerti dengan perkataan erotik yang bermaksud membangkitkan nafsu syahwat, menghairahkan atau memberahkan.¹³ Terdapat juga definisi yang berbeza di antara pornografi dan erotik seperti yang ditulis oleh Gloria Steinem yang menyatakan:¹⁴

Erotic: a mutually pleasurable, sexual expression between people who have enough power to be there by positive choice. It may or may not strike a sense-memory in the viewer, or be creative enough to make the unknown seem real; but it doesn't require us to identify with a conqueror or a victim. It is truly sensuous, and may give us a contagion of pleasure.

Pornographic: its message is violence, dominance, and conquest. It is sex being used to reinforce some inequality, or to create one, or to tell us that pain and humiliation (ours or someone else's) are really the same as pleasure. If we are to feel anything, we must identify with conqueror or victim. That means we can only experience pleasure through the adoption of some degree of sadism or masochism. It also means that we may feel diminished by the role of conqueror; or enraged, humiliated, and vengeful by sharing identity with the victim.

Gloria Steinem mendefinisikan erotik sebagai ekspresi seksual yang menyeronokkan dan menjadi pilihan individu itu sendiri tanpa paksaan sedangkan pornografi adalah satu mesej yang berunsur ganas, cuba menguasai dan menakluki audien melalui apa yang dipaparkan. Terdapatnya perbezaan definisi di antara pornografi dan erotik mungkin bergantung kepada sosio budaya, pegangan agama dan permasaalah yang dikaji.

¹² Hahn's, Harley (2002), *Internet Insecurity*. Malaysia: Pearson Education, Pte. Ltd. h. 80.

¹³ Hajah Noresah Baharom *et al.* (2002), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga, h. 343.

¹⁴ The Berkmen Centre for Internet and Society for Harvard law School, <http://cyber.law.harvard.edu /vaw00/module5 .html#whatispornography>, 22 April 2005.



Namun isu yang ingin difokuskan adalah istilah pornografi atau erotik yang dipersembahkan di laman-laman web dapat difahami dan seterusnya menimbulkan rasa prihatin terhadap keburukan atau natijah pornografi terhadap pengguna internet terutamanya kanak-kanak dan remaja yang semakin berleluasa. Sejarah pornografi ini sudah bermula beratus ribu tahun dahulu seperti penemuan lukisan-lukisan pornografi pada dinding-dinding bangunan batu kerajaan Roman dan Pompei. Bersama dengan kemajuan manusia, pornografi ini turut berkembang dan dilukiskan di atas kertas, dirakamkan dengan kamera, divideokan dan seterusnya diletakkan di atas talian internet.¹⁵

Terdapat lebih kurang 80,000 laman web yang berkait rapat dengan pornografi telah dihasilkan di antara tahun 1999 ke tahun 2000. Laman web sebegini bertambah sebanyak 200 bilangannya setiap hari. Menurut penyelidikan Forrester, pendapatan yang diperolehi oleh industri pornografi secara *online* meningkat sebanyak 30% dan bernilai lebih daripada USD1 bilion dan di Jepun pula terdapat lebih kurang 3,000 atau 30% laman web pornografi kanak-kanak. Apabila internet mula dilancarkan di Jepun lebih 80% daripada kunjungan yang dibuat di Internet ialah ke laman-laman web pornografi.¹⁶ *Contentwatch.com* pula melaporkan daripada 39 bilion laman-laman web yang telah disaring sebanyak 230 juta laman web pornografi telahpun disekat menggunakan perisian penapis milik syarikat ini.¹⁷

Laporan dari Top Ten Reviews Web Site yang memaparkan tentang statistik industri pornografi amat menakutkan. Saiz industri pornografi adalah bernilai \$57.0 bilion untuk seluruh dunia dan \$12.0 bilion adalah dari syarikat pornografi yang berpusat di Amerika Syarikat. Pecahan daripada \$57.0 bilion terdiri daripada video pornografi/lucah (*adult videos*) bernilai \$20 bilion, perkhidmatan teman sosial (*escort services*) bernilai \$11 bilion, majalah porno (*magazines*) bernilai \$7.5 bilion, kelab seks (*sex clubs*) bernilai \$5 bilion, sex menerusi telefon (*phone sex*) bernilai \$4.5 bilion, bayaran untuk setiap capaian (*cable/pay per view*) bernilai \$2.5 bilion, pornografi di internet bernilai \$2.5 bilion, cakera liut (*CD-Rom*) bernilai \$1.5 bilion, kebaharuan (*novelties*) bernilai \$1.0 bilion dan yang lain-lain bernilai \$1.5 bilion. Keuntungan dari industri pornografi

¹⁵ Wikipedia The Free Encyclopedia, <http://en.wikipedia.org/wiki/Pornography>, 5 April 2005.

¹⁶ Shaikh Mohd Saifuddin (2000), *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat & Komunikasi*, Institut Kefahaman Islam Malaysia(IKIM), h.19-21.

¹⁷ Ho, Shuk Ying *et al.* (2003), “Exploring the Factors Affecting Internet Content Filters Acceptance”. *ACM SIGecom Exchanges*, Vol.4, No. 1, April 2003, h. 29-36.



adalah lebih besar berbanding dengan kombinasi keuntungan syarikat rangkaian bolasepak, besbol dan bola keranjang.¹⁸

ISU BERKAITAN PENYALAHGUNAAN INTERNET (LAWAT LAMAN WEB PORNOGRAFI) DI MALAYSIA

Berikutnya perniagaan yang berunsurkan pornografi di laman-laman web ini terus-terusan berkembang seperti yang dinyatakan sebelum ini dan pengusahanya begitu kreatif untuk melepas setiap saringan yang dilakukan, kanak-kanak dan remaja terlalu terdedah dengan gejala kurang sihat ini kerana mereka boleh melayari internet dan WWW secara bebas untuk melihat dan mendapat sebarang maklumat tidak terkecuali yang berunsur pornografi.

Hasil carian melalui laman web e-Media NSTP (*New Strait Time Press*) menunjukkan, Malaysia sebenarnya telah jauh terdedah pada laman-laman web pornografi seperti yang diperkatakan oleh pihak polis yang membuat tinjauan di beberapa kedai yang terdapat di pusat membeli belah di ibu negara membuktikan fenomena memuat turun gambar-gambar dan video pornografi dari laman web terus ke telefon bimbit semakin berkembang dan popular di negara ini.¹⁹

Terdapat kira-kira 700,000 pelanggan Internet di Malaysia dan penganalisis menjangka jumlah itu akan mencapai satu juta pada akhir tahun 2005. Terdapat pelbagai kegiatan negatif di dunia internet seperti menyebarkan khabar angin dan surat layang melalui e-mel, perjudian di kafe siber di mana 21 buah daripadanya telah dikenal pasti dan termasuk isu remaja perempuan berusia antara 15 hingga 25 tahun menawarkan perkhidmatan seks melalui laman sembang Internet dengan bayaran sehingga RM700.²⁰

Utusan Malaysia juga turut memuatkan isu pelajar yang suka membuang masa di kafe siber dengan bermain permainan komputer dan melepak kerana ibu bapa tidak teragak-agak memberikan tambahan belanja ke sekolah apabila mendengar anak-anak mereka ingin bermain komputer dan memahirkan diri dengan teknologi ini.²¹ Isu kafe siber ini

¹⁸ Top Ten Reviews Web Site Internet Filter Review, <http://internet-filter-review.toptenreviews.com/internet-pornography-statistics.html>, 30 April 2005.

¹⁹ *New Strait Time Press (NSTP)* e-media, <http://www.emedia.com.my/a/archive.htm>, Sean Augustin et al., “Police: ‘Teleporn’ getting popular”, 21 Mac 2005.

²⁰ Berita Harian, “Pendidikan kunci atasi salah guna Internet”, <http://www.bharian.com.my/>, 07 April 2000.

²¹ *Utusan Online*, “Membuang masa di kafe siber”, <http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp>, 20 Januari 2005.



tidak terhenti setakat membazir masa dan bermain permainan komputer sahaja malahan ianya turut menyajikan laman-laman web porno seperti yang diluahkan oleh pembaca di ruangan “Forum Utusan Malaysia” tentang kafe siber di Shah Alam yang membenar kan kanak-kanak dan golongan remaja melihat video lucah dan laman web pornografi serta beroperasi 24 jam.²²

Laporan hujung minggu pada 22 Disember 2002 yang ditulis oleh Fudzail pula menyentuh tentang pelajar sekolah bestari yang dikatakan menyalahgunakan Internet untuk mengakses laman-laman web porno sehingga perbelanjaan meningkat berkali ganda.²³ “Rakyat kita gila pornografi?” Adalah tajuk berita yang ditulis oleh C Ramasamy, hasil dari bahagian pertama kenyataan Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengenai kemungkinan agensi itu melancarkan gerakan dari rumah ke rumah untuk menjelaki pemilik bahan pornografi. Kenyataan ini dianggap menarik tetapi tidak mengejutkan umum.²⁴ Isu pornografi ini juga turut diketengahkan oleh Majalah PC keluaran Mac dan Jun 2005. Pada keluaran Mac 2005 satu artikel yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memberikan maklumat tentang dunia internet yang negatif. Menurut SKMM memuat-turun selama 20 minit dari laman web porno akan meyebabkan anda membayar sebanyak RM 92.00. Ini berlaku apabila laman web sengaja memutuskan pengguna dari talian Penyedia Laman Web Tempatan dan menyambungkan pengguna kepada laman web lain, kebiasaannya menggunakan kadar premium atau antarabangsa. Aktiviti ini dipanggil “Lambakan Internet” atau kadangkala dirujuk sebagai “Pengumpil Modem”. Laman web ini juga mungkin meminta kebenaran pengguna dahulu, tetapi ia ditulis dengan huruf kecil bersama-sama maklumat lain dan pengguna hanya mengetahuinya apabila pengguna menerima bil telefon yang tinggi²⁵. SKMM turut memberikan langkah-langkah pencegahan lambakan internet dan pornografi seperti membaca terma-terma dan syarat-syarat dengan teliti, berhati-hati memuat turun fail dari laman web, menyambungkan semula pendail (dialer) kepada ISP tempatan, menyimpan fail sejarah internet lebih lama, berhati-hati dengan tetingkap pop up dan menggunakan teknologi penghalang dan penapisan kepada laman web yang tidak bersetujuan. SKMM merumuskan bahawa pendidikan dan pengawalan adalah langkah

²² *Utusan Online*, “Kafe siber seleweng didik remaja nakal”, <http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp>, 20 November 2003.

²³ *Berita Harian*, “Sekolah Bestari”, <http://www.bharian.com.my/>, 22 Disember 2002.

²⁴ *New Strait Time Press (NSTP) e-media*, “Rakyat kita gila pornografi?”, <http://www.emedia.com.my/a/archive.htm>, 05 Februari 2002.

²⁵ Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), “Berapakah yang anda sanggup bayar untuk bahan porno?”, *Majalah PC*, bil 99 Mac 2005, h. 26 & 27.



terbaik untuk mengatasi masalah Lambakan Internet²⁶. Rumusan SKMM ini disokong oleh artikel yang ditulis oleh Syed Riduan pada keluaran Majalah PC Jun 2005. Syed Riduan telah mengetengahkan satu perisian yang paling berkesan untuk menghalang imej porno iaitu perisian iSheild. Perisian ini hampir sempurna namun ada kalanya imej-imej yang tidak lucu atau porno juga turut dihalang seperti laman web perubatan dan pendidikan. Syed Riduan akhirnya membuat kesimpulan bahawa cara terbaik menghalang gejala pornografi Internet adalah melalui kesedaran dan pendidikan moral.²⁷

MENANGANI AKHLAK BURUK PELAYAR LAMAN WEB PORNOGRAFI DENGAN PSIKO SPIRITUAL ISLAM

Psikospiritual Islam adalah gabungan dari perkataan psikologi dan spiritual yang bermaksud pemikiran atau kajian tentang proses mental dan pemikiran yang bersifat rohaniah dari perspektif agama Islam.²⁸ Spiritual dalam diri setiap individu adalah merupakan kurniaan Tuhan. Keperluan spiritual adalah persediaan untuk mencintai Tuhan dan spiritual juga menjadi pendorong kepada daya kecerdasan intelektual dan emosional yang mengarah kepada jalan pilihan ini. Spiritualiti ini dipercayai boleh dicapai oleh sesiapa sahaja dengan kebijaksaan dan pengalaman. Bidang psikologi spiritual di antaranya memfokus kepada pemahaman tentang kaedah mendalam spiritual, mengenal diri, mengetahui kebaikan sembahyang, meditasi, teknik latihan spiritual sebagai rawatan dan menilai penyakit spiritual.²⁹ Psikospiritual Islam dilihat tidak berbeza dengan psikoterapi Islam yang merawat penyakit mental, spiritual, moral mahupun fizikal melalui al-Qur'an, Hadith Nabi s.a.w., pengalaman orang saleh dan ilmu pengetahuan.³⁰ Beberapa metode berdasarkan ilmu tasawuf yang digunakan dalam psikoterapi Islam berfungsi sebagai pencegah, penyembuh atau perawatan dan penyucian hati.³¹

Golongan tasawuf meletakkan akhlak terpuji sebagai asas pertama untuk terbinanya siri-siri perjalanan kerohanian mereka dan memberikan perhatian khusus dan menganggapnya sebagai tuntutan jihad.³² Akhlak

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Dunia IT, "Menghalang Pornografi", *Majalah PC*, bil 102 Jun 2005, h. 26 & 27.

²⁸ Hajah Noresah Baharom *et.al* (2002), *op. cit.*, h. 1060 dan 1303.

²⁹ Husain, Akbar (2005), *Spiritual Psychology*. New Delhi: Global Vision Publishing House, h. 4 & 9.

³⁰ M. Hamdani Bakran Adz-Dzaky (2001), *Psikoterapi & Konseling Islam: Penerapan Metode Sufistik*. Fajar Pustaka Baru: Yogyakarta, h. 222 & 273.

³¹ *Ibid.*, h. 265.

³² Sheikh Abdul Hafiz Faraghli Ali al-Qarani (2005), *Prinsip-Prinsip Tasawuf Islam*. Muhammad Zaidi Ramli et. al (terj), c. 3. Negeri Sembilan: Jabatan



adalah merupakan ‘kemampuan kehendak (*irādah*) yang menetap dalam diri manusia yang boleh melahirkan perbuatan yang baik dan lurus jika jiwa akhlaknya baik dan sebaliknya melahirkan perbuatan yang buruk jika akhlaknya jahat.³³ Abū ‘Alī al-Daqqāq menyatakan Allah Ta’ala tidak pernah memuji sifat Nabi s.a.w. melainkan kerana akhlak atau budi pekerti Baginda yang sangat baik seperti firman Allah Ta’ala:³⁴

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿١﴾

Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang luhur.

Dalam al-Qur’ān, Allah Ta’ala telah berfirman bahawa manusia telahpun diberi persediaan untuk mengenal akhlak yang baik dan akhlak yang jahat sesuatu perkara sejak awal kejadian:³⁵

وَنَفْسٌ وَمَا سَوَّنَهَا ﴿٢﴾ فَأَهْمَمَهَا جُورَهَا وَتَقْوَنَهَا ﴿٣﴾

Dan demi diri nafси manusia dan apa yang telah disempurnakan kejadiannya, lalu dia (Allah) mengilhamkan kejahatannya dan kebaikannya (takwa).

Allah Ta’ala juga tidak menafikan bahawa tabiat diri nafси manusia kadangkala boleh ter dorong pada kejahatan atau akhlak yang buruk.³⁶

وَهَدَيْنَاهُ الْتَّجَدِيدَنِ ﴿٤﴾

Sesungguhnya diri nafси juga mempunyai penuh daya keupayaan untuk menyuruh pada yang jahat

Walaupun mempunyai nafsu nafси yang mampu membawa manusia kepada kejahatan, Allah Ta’ala telah membekalkan manusia dengan kemampuan dalam diri manusia itu sendiri untuk memandu kepada kebaikan seperti firmanNya:³⁷

Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, h. 85.

³³ Mohd Sulaiman bin Haji Yasin (1992), *Akhlaq dan Tasawuf*. Bangi, Selangor : Yayasan Salman, h. 21.

³⁴ Surah al-Qalām 68:4; lihat juga al-Qusyairi, Abd al-Karim ibn Hawazin (2004), *Risalah Sufi al-Qusyairi*, c. 2. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, h. 345.

³⁵ Surah al-Shams 91:7-8; lihat Mohd Sulaiman bin Haji Yasin (1992), *op.cit.*, h. 122.

³⁶ Surah al-Balad 90:10; Mohd Sulaiman bin Haji Yasin (1992), *op.cit.*, h.122.

³⁷ Surah al-A`rāf 7:179: Mohd Sulaiman bin Haji Yasin (1992), *op.cit.*, h.124.



لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبَصِّرُونَ بِهَا وَهُمْ أَذْانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا أُولَئِكَ كَالْأَنْعَمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ

Bagi mereka punya hati tetapi tidak digunakan untuk memahami dan bagi mereka punya mata tetapi tidak digunakan untuk melihat, dan bagi mereka punya telinga tetapi tidak digunakan untuk mendengar. Mereka itu adalah seperti binatang ternakan, bahkan lebih sesat.

Allah Ta'ala juga berfirman agar manusia membersihkan diri nafsi dari kejahatan dan dosa seperti firmanNya:³⁸

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا

Sesungguhnya berjayaalah orang yang membersihkan diri nafsi dan sesungguhnya kecewalah orang yang memijaknya (merendahkannya).

Akhlik terhadap Allah Ta'ala termasuklah pengabdian diri kepadaNya dan tidak sesekali menyekutukanNya, tunduk dan patuh pada ketentuan dan hukum Allah, bersyukur, redha, ikhlas, tawakal, takut, berdoa dan mencintai Allah Ta'ala dengan penuh harap. Akhlak pada diri sendiri adalah meninggalkan segala perkara yang merosakkan rohani dan jasmani, memelihara diri dengan sifat-sifat terpuji ('Iffah-mengekang diri dari memperturutkan hawa nafsu, taṣāwun – jaga diri dari perilaku yang tidak senonoh, al-wafā - sabar dan tabah hati serta dapat mengendalikan diri dari pengaruh teman yang tidak berakhlik, iḥtiyāt – menjaga diri dari perkara halal atau haram dengan cermat, ḥayā', wara', muhāsabah dan mujāhadah) dan menjauhi sifat-sifat tercela.³⁹ Menjauhi sifat tercela ini amat penting kerana manusia dalam keadaan akhlak yang buruk adalah seperti yang diperkatakan oleh Dhū al-Nūn al-Misrī apabila ditanya tentang siapakah yang paling cemas dan beliau menjawab, "Orang yang paling buruk akhlaknya".⁴⁰

Remaja wajib bertaubat dan benar-benar insaf tentang hakikat dosa melayari laman web pornografi dan sesungguhnya Allah Ta'ala melaknati manusia yang mempunyai mata yang digunakan untuk melakukan maksiat. Al-Ghazālī menggariskan beberapa kaedah untuk memohon keampunan bagi menghapuskan dosa-dosa yang dilakukan iaitu dengan

³⁸ Surah al-Shams 91:9-10.

³⁹ Haya binti Mubarok Al-Barik (1998), *Ensiklopedi Wanita Muslimah*. Amir Hamzah Fachrudin (terj.), Jakarta: Darul Falah, h. 120.

⁴⁰ Al-Qusyairi (2004), *op.cit.*, h. 437.



bertaubat nasuha, melakukan amalan-amalan yang baik sama ada yang wajib mahupun yang sunat, bersedekah dan mengeluarkan zakat.⁴¹ Al-Qushayri⁴² juga memulakan tingkat pertama yang dialami oleh para sufi dengan taubat. Langkah bertaubat yang pertama perlu dilakukan remaja ialah memisahkan diri (*'uzlah*) dari orang-orang yang melakukan kejahatan kerana golongan ini akan terus mendorong supaya remaja mengingkari tekad dan mengganggu kelurusan niat yang teguh untuk bertaubat. Benteng yang teguh dalam bersyahadah akan meningkatkan kerinduan kepada taubat, ketetapan hati serta memperkuat rasa takut (*khawf*) dan harap (*rajā'*). Takut menurut al-Qushayri adalah masalah berkaitan dengan kejadian yang akan berlaku, kerana seseorang hanya takut kalau sesuatu yang tidak diinginkan menimpanya atau sesuatu yang diinginkan luput darinya. Takut tidak terjadi pada perkara yang telahpun berlaku. Takut kepada Allah Ta'ala adalah takut terhadap hukumanNya di dunia dan juga di akhirat⁴³.

Perbuatan atau amalan yang diperintahkan oleh Allah Ta'ala kebanyakannya membosankan hati dan melelahkan anggota badan atau bertentangan dengan kelazatan dosa. Untuk menghilangkan kebiasaan berbuat dosa dan bangkit untuk membersihkan jiwa, usaha melalui penanaman rasa takut terhadap siksaan hari kiamat dan agungnya hak Allah Ta'ala perlu diterapkan dalam jiwa remaja. Pembacaan al-Qur'an dan diiringi dengan pemahaman terhadap maksudnya adalah antara cara untuk mendapat rasa takut ini. Apabila datangnya ketakutan di hati remaja, akan nyahlah ketagihan melakukan dosa, menyesal, bertaubat dan khusyuk serta kembali kepada Allah Ta'ala.⁴⁴ *Rajā'* juga mempunyai

⁴¹ Al-Ghazali (2006), *Minhaj al-'Abidin: Petunjuk Jalan bagi Orang-Orang Ahli Ibadah*. Abu Mazaya Al-Hafiz (terj.), c. 2. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, h. 30-33.

⁴² Al-Qushayri dilahirkan pada bulan Rabi' al-Awwal 376H/986M di kota kecil Ustuwa, Timur-Laut Iran dalam keluarga yang kaya. Beliau dapat menguasai bahasa Arab dalam masa yang singkat dan mengkaji hadith bersama-sama sekurang-kurangnya tujuh belas pakar Hadith. Guru sufi beliau adalah Abū 'Alī al-Daqqāq (405H/1015M). Knysh, Alexander (2000), *Islamic Mysticism a Short History*. Leiden: Koninklijke Brill NV, h. 130; Abdeel Halim, M. (1996), "Early *kalām*", dalam Nasr, Seyyed Hossein dan Leaman, Oliver (eds.), *History of Islamic Philosophy*. London dan New York: Routledge, h. 76; Che Zarrina Sa'ari (2004), "Tasawuf: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Kini", dalam Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Che Zarrina Sa'ari (eds.), *Tasawuf Dan Ummah*. Kuala Lumpur : Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 23.

⁴³ Al-Qusyairi (2004), *op. cit.*, h. 79.

⁴⁴ An-Najar, Amir (2004), *Psikoterapi Sufistik dalam Kehidupan Modern*. Ija Suntana (terj), Jakarta Selatan: Penerbit Hikmah, h. 58-59.



hubungan yang erat dengan *khawf* seperti dalam firman Allah Ta’ala yang memerintahkan manusia supaya berdoa atau bermohon dengan perasaan takut dan penuh harapan.⁴⁵ Harapan dapat membangkitkan semangat remaja untuk beramal soleh, sebaliknya jika hati remaja berasa malas untuk beramal, maka harapan bahawa amal yang soleh akan mendapat balasan yang baik dari Allah Ta’ala perlu dibangkitkan. Sikap inilah yang perlu diperlihatkan oleh remaja sebagai Mukmin sejati yang benar-benar mengharap pada TuhanYa.⁴⁶ Remaja yang menyedari kelemahan diri dan kurangnya upaya diri sebagai makhluk dalam membentengi diri dari mengulangi perbuatan dosa, kaedahnya adalah dengan azam yang kuat dan berharap kepada rahmat Allah Ta’ala agar diampunkan dosa dan dihindarkan dari melakukan dosa tersebut. Sesungguhnya amat mudah bagi Allah untuk memberikan rahmat kepada sesiapa sahaja yang dikehendakiNya.⁴⁷

Remaja perlu menahan nafsu dengan menjaga pancaindera yang lima iaitu mata, telinga, lidah, hati dan perut. Bermula dengan mata, menurut al-Ghazālī, mata adalah pancaindera pertama yang perlukan penjagaan kerana ia adalah punca kepada fitnah dan bencana seperti firman Allah Ta’ala:⁴⁸

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُوْ مِنْ أَبْصَرِهِمْ وَخَفَّظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ
أَزْكَى هُمْ إِنَّ اللَّهَ حَبِّيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

Sampaikanlah ya Muhammad kepada orang-orang yang beriman bahawa mereka mesti menundukkan penglihatannya dan memelihara farajnya, yang demikian itu lebih baik untuk mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui perbuatan mereka.

Menundukkan mata akan membersihkan hati dan menumbuhkan kebaikan dalam jiwa remaja. Sebaliknya mata yang dibiarkan bebas tidak dapat lari dari melihat perkara-perkara yang haram dan perkara-perkara yang dilihat itu akan melekat pada hati seterusnya membentuk cita-cita dan khayalan yang panjang serta terjauh dari mengerjakan kebaikan. Allah Ta’ala juga memberikan amaran dalam ayat di atas bahawa sesungguhnya Allah mengetahui tentang mata yang khianat dan apa sahaja yang terkandung dalam hati manusia.⁴⁹ Menahan penglihatan adalah salah satu langkah pencegahan yang disarankan oleh Allah Ta’ala di dalam al-Qur'an daripada

⁴⁵ *Ibid.*, h. 76.

⁴⁶ *Ibid.*, h. 77.

⁴⁷ Al-Ghazali (2006), *op. cit.*, h. 29 & 30.

⁴⁸ Surah al-Nur 24:30; al-Ghazali (2006), *op. cit.*, h.86.

⁴⁹ *Ibid.*, h. 87 & 88.



terjebak dengan maksiat. Biarpun tidak terdapat bukti yang menunjukkan mereka yang melawati laman web pornografi boleh terjebak dengan zina, namun kajian yang dijalankan menampilkkan natijah daripada paparan pornografi di papan-papan iklan di lebuhraya boleh menyebabkan pemandu buta sementara, disebabkan emosi yang terganggu akibat gambar pornografi seperti yang dinyatakan oleh David Zald dari Universiti Vanderbilt Nashville, Tennessee:⁵⁰

We observed that people failed to detect visual images that appeared one-fifth of a second after emotional images, whereas they can detect those images with little problem after neutral images.

Akibat buruk daripada iklan yang berunsur pornografi diletakkan di papan-papan iklan di lebuhraya ialah berlakunya kemalangan. Rangsangan emosi atau seksual yang dicetuskan pada individu yang melihat pornografi ini sudah cukup berbahaya pada pemandu dan pengguna lebuhraya yang lain. Laman web pornografi jika dikaitkan dengan dapatkan kajian David Zald mungkin boleh disimpulkan bahawa remaja yang melihat laman web pornografi akan terangsang emosi dan seksualnya, seterusnya berangan-angan tentang hubungan seks, melakukan onani, sentiasa lekat di fikiran tentang laman web porno yang dilawati dan seterusnya mungkin lupa tentang kewajipannya sebagai pelajar, anak dan hamba Allah yang perlu beribadah dengan hati yang bersih dan luhur tanpa melakukan zina mata atau sebarang maksiat yang lain.

Penjagaan telinga pula ialah remaja perlu menjaganya dari mendengar perkara-perkara yang tidak perlu atau tidak berkaitan kerana dengan mendengar akan menimbulkan bisikan-bisikan di hati dan menyibukkan anggota badan seterusnya tiada kesempatan untuk beribadah.⁵¹ Penggunaan telinga remaja untuk mendengar keseronokan pornografi atau tentang sumber-sumbernya adalah perkara yang haram dan tiada keperluan dalam membentuk personaliti remaja.

Pancaindera yang seterusnya yang perlu dijaga oleh remaja ialah lidah. Menurut al- Ghazālī juga lidah adalah anggota yang paling buas dan nakal serta seringkali boleh menimbulkan fitnah dan kerosakan. Apa yang diperkatakan oleh lidah akan mempengaruhi anggota tubuh yang lain dalam mengerjakan kebaikan dan keburukan. Oleh itu lidah remaja perlu dijaga dari bercakap perkara-perkara keji atau mengajak orang lain melakukan perkara haram iaitu dengan mengingatkan akibatnya adalah siksaan yang berat sehingga tidak mampu dipikul di akhirat kelak kerana

⁵⁰ NewScientist.com, Erotic images can turn you blind, http://www.newscientist.com/article.ns?id=dn7845&feedId=online-news_rss20, 12 Ogos 2005.

⁵¹ Al-Ghazali (2006), *op. cit.*, h. 88.



setiap perkara tidak terlepas dari pengawasan Allah Ta’ala dan catatan malaikatnya iaitu Raqib dan ‘Atid:⁵²

 مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدِيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Tidak diucapkan satu katapun, melainkan ianya dicatat oleh malaikat Raqib dan Atid.

Menurut al-Qushayri diam adalah salah satu prinsip bermujāhadah dan penyempurnaan akhlak.⁵³ Diam mencerminkan rasa aman dan merupakan aturan yang mesti dilaksanakan oleh remaja. Remaja perlu diam pada waktu yang tepat seperti juga layaknya manusia berbicara pada waktu yang tepat kerana ini adalah sifat mulia. Terdapat dua jenis diam iaitu diam zahir dan diam batin. Diam zahir adalah diam pada lidah dan diam batin adalah diam pada hati.⁵⁴ Diam yang disarankan untuk remaja adalah diam zahir dan diam batin iaitu diam pada hati. Diam zahir bermaksud, remaja tidak membicarakan hal-hal yang berkaitan dengan pornografi atau mencelehr sebarang perbualan berkaitan hal tersebut. Hati yang diam dan tidak bergejolak dengan nafsu akan dekat dengan Allah Ta’ala dan memudahkan proses mengukuhkan *mujāhadah* remaja untuk terus meninggalkan fikiran-fikiran tentang pornografi.

Menurut al-Ghazālī juga, hati mempunyai beberapa keistimewaan iaitu sebagai tempat yang selalu diintai musuh dan ditunggangi syaitan tanpa henti, tempat ilham, tempat di mana malaikat dan syaitan mengetuk hati dengan ajakan masing-masing, tempat berperangnya akal dan nafsu dan hati juga tempat yang penuh dengan bisikan-bisikan yang banyak tidak kira siang atau malam dan manusia tidak dapat menahannya. Pada setiap detik, hati sentiasa dipenuhi dengan bisikan-bisikan rancangan dan penyambutnya yang paling pantas adalah hawa nafsu yang demikian amat sukar untuk menahannya walaupun dengan sekutu tenaga dan masih merupakan perkara yang pelik dan ujian yang berat. Oleh itu untuk mengubati hati adalah perkara yang berat dan sukar kerana ianya tidak dapat dilihat oleh mata kasar dan dengan tidak disangka hati telahpun diserang penyakit. Penyakit hati ini pula mudah berbolak balik. Hanya dengan pengamatan dan penelitian yang sepenuh perhatian serta latihan yang banyak dapat mengubati hati⁵⁵. Empat penyakit hati ialah panjang angan-angan (angan-angan tentang masih lama lagi hidup), tergesa-gesa tanpa sebarang pertimbangan, dengki dan takbur. Penawar penyakit hati

⁵² Surah Qāf 50:18; al-Ghazālī (2006), *op. cit.*, h. 90-93.

⁵³ Al-Qusyairi (2004), *op.cit.*, h. 70.

⁵⁴ *Ibid.*, h. 67-69.

⁵⁵ *Ibid.*, 95-96.



pula adalah dengan mengingati mati, waspada dalam segala hal, jujur dan rendah diri.⁵⁶

Remaja juga perlu menjaga perut sebagai kaedah untuk menahan nafsu. Perut memerlukan penjagaan dari barang yang haram dan juga barang yang halal yang berlebih-lebihan. Ini juga merupakan kaedah untuk mencapai *wara`* iaitu dengan meninggalkan apa yang tidak bersangkutan dengan diri, meninggalkan segala yang meragukan (*shubhat*), serta tidak makan atau mengambil melainkan yang halal. Menurut al-Qushayri, *wara`* adalah titik tolak kepada zuhud⁵⁷. *Wara`* adalah merupakan asas kepada ibadah dan intipati *wara`* adalah dengan penelitian yang sempurna dalam hal makanan, minuman, berpakaian, bercakap dan berkelakuan⁵⁸. Zuhud pula menurut kaum sufi adalah meninggalkan kesenangan dunia dan berpaling darinya atau meninggalkan kesenangan dunia demi kesenangan akhirat.⁵⁹ Konsep zuhud ditandai dengan perasaan tidak gembira terhadap apa yang dimiliki di dunia dan tidak pula bersedih terhadap apa yang tidak dimilikinya.⁶⁰ Menurut Ibrāhim bin Adham, zuhud boleh dibahagikan kepada tiga iaitu wajib, sunat dan selamat. Zuhud wajib adalah zuhud dari perkara-perkara yang haram. Zuhud sunat pula adalah zuhud dari shahwat atau nafsu yang halal. Zuhud selamat adalah zuhud dari perkara syubhat.⁶¹ Zuhud bagi diri remaja adalah zuhud wajib iaitu zuhud dari perkara-perkara haram iaitu laman web pornografi.

Menjaga pemakanan adalah amat penting bukan sahaja untuk kesihatan fizikal, malahan kesihatan spiritual remaja. Memakan makanan yang haram atau subahat tidak akan diberi taufik oleh Allah Ta’ala untuk beribadah dan makanan yang halal tetapi berlebihan pula akan menyibukkan diri manusia dengan persiapan-persiapan makanan dan melemahkan tubuh. Makanan yang banyak masuk ke perut akan menyebabkan mengantuk dan menyebabkan malas beribadat. Mengambil makanan yang halal dan berlebihan dengan tujuan menurut hawa nafsu menyebabkan tertahan di mahsyar dan banyak hisabnya kerana seperti firman Allah Ta’ala:⁶²

⁵⁶ *Ibid.*, 97.

⁵⁷ *Ibid.*, h. 47-54.

⁵⁸ Al-Ghazali (2006), *op. cit.*, h. 102.

⁵⁹ Al-Qusyairi (2004), *op.cit.*, h.57; al-Tūsī, Abū Nasr al-Sarrāj (1960), *al-Luma`*, Maḥmūd `Abd al-Ḥalīm dan Surūr, Tāhā `Abd Bāqī (tahqīq), Kaherah:: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, h. 55; An-Najar (2004), *op.cit.*, h. 66; Othman Napiah (2001), *op.cit.*, h. 33.

⁶⁰ Al-Qusyairi (2004), *op.cit.*, h. 58-59.

⁶¹ Hassan Basri Awang Mat Dahan *et al.* (2000), *Ensiklopedia Islam Safir*, Jilid 1-3. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 81.

⁶² Surah al-Takāthur 102:8; Hassan Basri Awang Mat Dahan *et al.* (2000), *op.cit.*, h. 108-119.



ثُمَّ لَتُسْأَلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ الْعَيْمَرِ

Nescaya kamu akan ditanya pada hari kemudian tentang nikmat

Kaedah untuk mengelakkan berlebih-lebihan dalam mengambil makanan yang halal atau nikmat ini bagi remaja adalah dengan lapar. Menurut al-Qushayri lapar adalah merupakan tiang *mujāhadah* dan salah satu sifat golongan *sālik* yang menuju kemajuan dan punca kebijaksanaan.⁶³ Nabi Muhammad s.a.w. telah bersabda tentang pemuda-pemuda yang belum bernikah agar berpuasa untuk mengurangkan hawa nafsu seperti yang akan dijelaskan dalam hadis dalam perbincangan seterusnya.⁶⁴ Hawa nafsu yang dimaksudkan di sini adalah nafsu seksual. Jika nafsu remaja bergejolak dan masih teringat-ingat tentang laman web porno yang mendatangkan kenikmatan sementara, nafsu ini perlu dikekang dengan berpuasa sebagai riadah pada diri remaja untuk membenamkan keghairahan dan mengalihkan perhatian pada ibadah puasa yang melemahkan fizikal dan menguatkan spiritual remaja. Ini kearana zaman remaja juga fasa yang mana minat seksual semakin meningkat. Fantasi mula menerawang dalam alam pemikiran. Suasana ini mungkin diikuti dengan penerokaan seksual yang melibatkan pelanggaran ke atas norma masyarakat. Seringkali ia dikaitkan dengan sikap ingin tahu dan ini boleh mengakibatkan banyak masalah seperti hubungan seks bebas atau di luar tabie.⁶⁵

Nafsu yang paling besar menurut al-Ghazālī adalah nafsu terhadap jantina yang berlainan. Nafsu ini boleh membawa kepada akibat yang sangat buruk, kesalahan dan ketidakseimbangan. Akibat buruk akan berlaku jika nafsu seks ini telah menakluk akal sehingga keseluruhan tumpuan diberikan kepada kehendak nafsu ini dengan mendampingi mereka yang bukan mahram yang kemudiannya membawa kepada perbuatan-perbuatan keji. Akibat buruk ini boleh mendatangkan dua kebiasaan yang buruk iaitu sentiasa mencari jalan untuk menguatkan nafsu seks dan tersesat kerana mengejar nafsu seks semata-mata sehingga membutakan mata terhadap hakikat tujuan hubungan seks. Nafsu seks yang bermaharajalela dan menakluki akal akan menghasilkan sifat tercela. Begitu juga jika seks lemah ia akan mengecewakan pasangannya. Al-Ghazālī menyatakan yang

⁶³ Al-Qusyairi (2004), *op.cit.*, h. 115.

⁶⁴ *Al-Bukhārī*, Abī ‘Abdullāh Muh.ammad b. Ismā‘il b. Ibrāhīm b. al-Mughīrah b. al-Bardizbah (2000), “*Saḥīḥ al-Bukhārī*” dlm *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kitāb al-Sittah*, (*tahqīq*) Sāliḥ b. ‘Abd al-‘Azīz b. Muḥammad b. Ibrāhīm, *Riyadh: Dār al-Salām*, Kitāb al-s,awm, Bab al-s,awm li man khāfa ‘alā nafsihi ‘uzbah, no. hadith 1905, h.149.

⁶⁵ Mohamed Hatta Shaharom (2003), *Psikologi & Kaunseling Remaja Panduan Remaja Membimbing Diri Sendiri*. Ptd Publications & Distributors Sdn Bhd., h. 24.



paling baik adalah nafsu seks yang berada dalam keadaan seimbang yang tunduk kepada akal dan agama.⁶⁶

KESIMPULAN

Remaja yang sedang berkembang perlu diberi perhatian sewajarnya dari semua sudut terutamanya dari tujuh bahagian kerana neraka mempunyai tujuh pintu yang masing-masingnya diperuntukkan untuk mata, telinga, lidah, perut, kemaluan, tangan dan kaki yang tidak mematuhi perintah Allah Ta'ala⁶⁷ seperti firmanNya:⁶⁸

هَا سَبْعَةُ أَبْوَابٍ لِكُلِّ بَأْبِ مِنْهُمْ جُزُءٌ مَقْسُومٌ ﴿٤٦﴾

Jahannam itu mempunyai tujuh pintu; bagi tiap-tiap sebuah pintu ada bahagian yang tertentu dari mereka (yang sesat dan menyesatkan itu).

Remaja adalah tunjang sesebuah negara. Maju mundurnya negara adalah bergantung kepada remaja yang dari sudut biologinya juga merupakan puncak kesempurnaan fizikal di mana tubuh mereka kuat, segala alat dan organ sedang aktif dengan segala fungsinya. Begitu juga dari sudut budaya, sosial, intelek dan ideologi juga sedang berkembang dengan baik.⁶⁹ Allah Ta'ala berfirman:⁷⁰

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٣﴾

Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada perkara mungkar; merekalah orang yang beruntung.

Islam melarang umatnya daripada mendekati perkara yang boleh membawa kepada berlakunya perzinaan, pelacuran dan pencabulan. Hal ini dijelaskan oleh Allah S.W.T. dalam firmanNya:⁷¹

⁶⁶ Al-Ghazali (2001), *Metode Menaklukkan jiwa: Perspektif Sufistik*. Rahmani Astuti & Zaimul Am (terj), Bandung: Penerit Mizan. h. 230-232.

⁶⁷ Al-Ghazali (2002), *Panduan Praktis Menjadi Sufi*. H. M. As'ad Al-Hafidy (terj.), Jakarta Selatan : Penerbit Hikmah, h. 88.

⁶⁸ Surah al-Hijr 15:44.

⁶⁹ Zakiah Daradjat (1982), *Pembinaan Remaja*. Jakarta: Bulan Bintang, h. 18.

⁷⁰ Surah Āli-'Imrān 3:104.

⁷¹ Surah al-Isrā' 17:32.



وَلَا تَقْرِبُوا الْزَنِي إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Janganlah kamu menghampiri zina, kerana ia suatu pekerjaan yang sangat keji dan jalan yang amat jahat.

Fizikal remaja diarahkan oleh hati. Hati remaja yang bersih dan suci tidak akan terjebak dan mengarahkan fizikal remaja ke dalam kancang maksiat seperti apa yang diperkatakan oleh Malik Badri:⁷²

There is no conflict between the spiritual and the physical; between body and soul; between pleasure and procreation; between the here and now and the hereafter.

⁷² Badri, Malik (2000), *The AIDS Crisis : A Natural Product of Modernity's Sexual Revolution*. Kuala Lumpur: Medeena Books, h. 249.



RUJUKAN

- Abdeel Halim, M. (1996), "Early kalām", dalam Nasr, Seyyed Hossein dan Leaman, Oliver (eds.), *History of Islamic Philosophy*. London dan New York: Routledge.
- Badri, Malik (2000), *The AIDS Crisis: A Natural Product of Modernity's Sexual Revolution*, Kuala Lumpur: Medeena Books.
- Berita Harian*, "Pendidikan kunci atasi salah guna Internet", <http://www.bharian.com.my/>, 07 April 2000.
- Berita Harian*, "Sekolah Bestari ", <http://www.bharian.com.my/>, 22 Disember 2002.
- Che Zarrina Sa'ari (2004), "Tasawuf: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Kini", dalam Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Che Zarrina Sa'ari (eds.), *Tasawuf Dan Ummah*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Dunia IT, "Menghalang Pornografi", *Majalah PC*, bil 102 Jun 2005, h. 26 & 27.
- Al-Ghazali (2001), *Metode Menaklukkan jiwa: Perspektif Sufistik*. Rahmani Astuti & Zaimul Am (terj), Bandung: Penerit Mizan.
- Al-Ghazali (2002), *Panduan Praktis Menjadi Sufi*. H. M. As'ad Al-Hafidy (terj.), Jakarta Selatan : Penerbit Hikmah.
- Al-Ghazali (2006), *Minhaj al-'Abidin: Petunjuk Jalan bagi Orang-Orang Ahli Ibadah*. Abu Mazaya Al-Hafiz (terj.), c. 2. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Greenlaw, Raymond dan Hepp, Ellen (2002), *In-line/On-line: Fundamentals of the Internet and the World Wide Web*. United States: McGraw Hill.
- Hahn's, Harley (2002), *Internet Insecurity*. Malaysia: Pearson Education, Pte. Ltd..
- Hajah Noresah Baharom *et al.* (2002), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan *et al.* (2000), *Ensiklopedia Islam Safir*, Jilid 1-3. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Haya binti Mubarok Al-Barik (1998), *Ensiklopedi Wanita Muslimah*. Amir Hamzah Fachrudin (terj.), Jakarta: Darul Falah.

Ho, Shuk Ying et al. (2003), “Exploring the Factors Affecting Internet Content Filters Acceptance”. *ACM SIGecom Exchanges*, Vol.4, No. 1, April 2003, h. 29-36.

Hofstetter, Fred T. (2001), *International Edition Internet Literacy*, Kuala Lumpur: MC Graw-Hill Irwin.

Husain, Akbar (2005), *Spiritual Psychology*. New Delhi: Global Vision Publishing House.

Knysh, Alexander (2000), *Islamic Mysticism a Short History*. Leiden: Koninklijke Brill NV.

Leiner, Barry M. et al. (1997), “The Past and Future History of the Internet”. *Communications of the ACM*: Vol. 40, No. 2.

M. Hamdani Bakran Adz-Dzaky (2001), *Psikoterapi & Konseling Islam: Penerapan Metode Sufistik*. Fajar Pustaka Baru: Yogyakarta.

Mohamed Hatta Shaharom (2003), *Psikologi & Kaunseling Remaja Panduan Remaja Membimbang Diri Sendiri*. Ptd Publications & Distributors Sdn Bhd..

Mohd Juzaiddin Abd. Aziz et al. (2003), *Pengaturcaraan Visual dan Web, COMP 2035*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.

Mohd Sulaiman bin Haji Yasin (1992), *Akhlik dan Tasawuf*. Bangi, Selangor: Yayasan Salman.

New Strait Time Press (NSTP) e-media, “Rakyat kita gila pornografi?”, <http://www.emedia.com.my/a/archive.htm>, 05 Februari 2002.

New Strait Time Press (NSTP) e-media, <http://www.emedia.com.my/a/archive.htm>, Sean Augustin et al., “Police: ‘Teleporn’ getting popular”, 21 Mac 2005.

NewScientist.com, Erotic images can turn you blind, http://www.newscientist.com/article.ns?id=dn7845&feedId=online-news_rss20, 12 Ogos 2005.

An-Najar, Amir (2004), *Psikoterapi Sufistik dalam Kehidupan Modern*. Ija



- Suntana (terj), Jakarta Selatan: Penerbit Hikmah.
- Al-Qusyairi, Abd al-Karim ibn Hawazin (2004), *Risalah Sufi al-Qusyairi*, c. 2. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Rahmah Hashim *et al.* (1999), (Jabatan Komunikasi Fakulti Kemanusiaan & Sains Sosial Universiti Kebangsaan Malaysia), Internet in Malaysia, <http://www.interasia.org/malaysia/hashim-yusof.html>, 18 Mei 2005, Diterbitkan dalam: Informatik Forum 1/99.
- Schneider, Gary P. & Evans, Jessica (2002), *The Internet 3rd Edition*. United States -Course Technology Thomson Learning.
- Schneider, Gary P. *et al.* (2002), *New Perspectives on the Internet*. Amerika Syarikat: Thomson Course Technology, h. html5.
- Shaikh Mohd Saifuddin (2000), *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat & Komunikasi*, Institut Kefahaman Islam Malaysia(IKIM).
- Sheikh Abdul Hafiz Faraghli Ali al-Qarani (2005), *Prinsip-Prinsip Tasawuf Islam*. Muhammad Zaidi Ramli *et al.* (terj), c. 3. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), "Berapakah yang anda sanggup bayar untuk bahan porno?", *Majalah PC*, bil 99 Mac 2005, h. 26 & 27.
- The Berkmen Centre for Internet and Society for Harvard law School, <http://cyber.law.harvard.edu/vaw00/module5.html#whatispornography>, 22 April 2005.
- Top Ten Reviews Web Site Internet Filter Review, <http://internet-filter-review.toptenreviews.com/internet-pornography-statistics.html>, 30 April 2005.
- Al-Ṭūsī, Abū Nasr al-Sarrāj (1960), *al-Luma'*, Maḥmūd `Abd al-Ḥalīm dan Surūr, Tāhā `Abd Bāqī (tahqiq), Kaherah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah.
- Utusan Online*, "Kafe siber seleweng didik remaja nakal", <http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp>, 20 November 2003.
- Utusan Online*, "Membuang masa di kafe siber", <http://www.utusan.com.my/utusan/archive.asp>, 20 Januari 2005.
- Utusan Online*, Jenayah siber simptom penyakit masyarakat yang perlu diubati - ``Ini bukan masalah Internet'' <http://www.utusan.com.my/utusan/>



archive.asp, 05 Disember 2004.

Yazrina Yahya *et al.* (1999), "Assessing Multimedia Quality From The User's Perspective", *Malaysian Journal of Computer Science*, Vol. 12, No. 1, June 1999.

Zainab Abu Bakar *et al.* (2004), *ICT Kini*. Malaysia: McGraw-Hill.

Zakiah Daradjat (1982), *Pembinaan Remaja*. Jakarta: Bulan Bintang.

